

# Ibrahim: Perjuangan

22 NOV 1999

33 / 34

TIMBALAN Menteri Pengangkutan, Datuk Dr. Ibrahim Saad adalah antara sekumpulan ahli politik yang dikaitkan sebagai 'kroni' bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau juga pernah disebut-sebut akan menyertai perjuangan Anwar. Tetapi Dr. Ibrahim tidak berbuat demikian. Beliau terus kekal bersama UMNO sehingga sekarang.

Dr. Ibrahim sekali lagi menjadi perhatian apabila dicalonkan bagi kerusi Parlimen Permatang Pauh, kawasan yang pernah dikatakan kubu kuat Anwar dan akan menentang isteri Anwar, Datin Seri Dr. Wan Azizah Ismail.

Dalam wawancaranya bersama wartawan *Utusan*, ROZAMAN ISMAIL, Dr. Ibrahim menjelaskan erti persahabatan, prinsip perjuangan UMNO dan masa depan orang-orang Melayu Pulau Pinang.

**Soalan:** Sejak Anwar dipecat, Datuk disebut-sebut sebagai salah seorang yang akan menyertai perjuangan bekas Timbalan Perdana Menteri itu. Bagaimanapun Datuk tidak berbuat demikian sebaliknya terus kekal dalam UMNO. Mengapa?

**Dr. Ibrahim:** Pendirian saya mengenai UMNO selamanya konsisten. Sebelum Anwar masuk menjadi ahli UMNO dan bertanding di Permatang Pauh pada tahun 1982, saya sudah jadi ahli UMNO. Saya menyertai UMNO sebaik sahaja habis belajar di universiti tahun 1969. Pada ketika Anwar aktif dalam pertubuhan, saya sudah memegang jawatan Ketua Pemuda cawangan. Sekarang dia sudah tinggalkan UMNO tetapi saya masih lagi bersama UMNO. Dulu masa dia masuk UMNO, saya dah

ada dalam UMNO. Sekarang pula dia tinggalkan UMNO dan saya terus kekal bersama UMNO.

**Soalan:** Datuk terus mendapat kepercayaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk bertanding di Permatang Pauh. Apa komen Datuk?

## Pimpinan

**Dr. Ibrahim:** Pertama saya ucapkan terima kasih kepada pucuk pimpinan parti kerana memberi kepercayaan kepada saya. Saya dipilih kerana saya adalah ahli UMNO, prinsip saya memperjuangkan parti dan perjuangkan apa yang parti perjuangkan. Walaupun diri saya yang bertanding tetapi sebenarnya saya mewakili parti. Sebagai calon UMNO saya mewakili BN. Mereka memilih saya kerana mereka mempunyai keyakinan bahawa calon UMNO boleh merembut kembali kerusi dari Parti Keadilan Nasional (Keadilan) kerana sejak Parlimen Permatang Pauh diwujudkan, tidak ada parti lain boleh menguasainya kecuali BN. Kita kehilangan kerusi ini bukan sebab kalah tetapi kerana Anwar masuk Keadilan.

**Soalan:** Bagaimanapun pembangkang melihat, tindakan mencalonkan Datuk di kubu Anwar antara strategi untuk membunuh karier politik Datuk?

## WAWANCARA

# parti prinsip saya

**Dr. Ibrahim:** Orang yang tidak setuju dengan saya akan mentafsir sedemikian. Sebelum bertanding, Ketua Perhubungan UMNO Negeri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ada bertanyakan saya, sama ada saya sanggup bertanding di situ. Saya kata kalau itu arahan parti saya akur. Mereka bersetuju.

Tidak timbul soal saya dicalonkan di situ kerana parti mahu menamatkan riwayat politik saya. Itu bukan persoalannya. Dalam politik, bila-bila masa sahaja karier politik seseorang boleh 'ditamatkan.' Tidak payah tunggu pilihan raya.

**Soalan:** Parti-parti pembangkang khususnya Keadilan, Pas, dan DAP menjadikan Anwar sebagai bahan kempen mereka. Bagaimana isu ini boleh mempengaruhi kecenderungan pengundi di Permatang Pauh.

**Dr. Ibrahim:** UMNO dan BN menyertai proses pilihan raya kerana mahu menubuhkan kerajaan. Jadi apabila kita mahu memilih, kita tidak memilih berdasarkan emosi semata-mata sebaliknya perlu turut menggunakan akal fikiran yang rasional.

Sebuah kerajaan yang hendak ditubuhkan mesti mempunyai dasar dan polisi tertentu yang boleh menjamin masa depan kita dan anak-anak kita. Bukan berdasarkan satu kriteria sahaja. Jadi saya menyeru orang Permatang Pauh fikir dan timbangkan perkara-perkara itu sebelum buat keputusan siapa mereka nak. Kalau tidak ia tidak akan memberi manfaat kepada penduduk di sini.

**Soalan:** Sebagaimana UMNO, Keadilan turut mendakwa mereka boleh memikul tanggungjawab untuk menyatupadukan orang-orang Melayu sekiranya diberi peluang pada pilihan raya ini. Apa pandangan Datuk.

**Dr. Ibrahim:** Saya dilahirkan dan dibesarkan di Pulau Pinang, Negeri yang hanya mempunyai antara 30 hingga 35 peratus penduduk Melayu. Pengalaman ini banyak memberi kesan dan mempengaruhi pemikiran saya. Saya berpendapat survival satu-satu golongan minoriti ialah apabila golongan itu dapat hidup bersatu padu.

Sekiranya kita yang berjumlah 30 peratus sudah berpecah belah. Maka apa lagi yang kita ada. Jika dalam keadaan kita kuat dan bersatu padupun kita masih tidak mempunyai apa-apa dan tidak boleh mengatasi golongan lain. Apatah lagi jika kita dalam keadaan berpecah belah.

Bagaimana Keadilan kata mereka boleh menyatupadukan orang-orang Melayu di sini, kalau mereka hanya menang satu atau dua kerusi. Mereka masih tidak dapat membentuk kerajaan, sebaliknya dilihat hanya untuk memecahbelahkan UMNO sahaja. Kalau mereka menang sekali pun, ia memberi isyarat bahawa orang Melayu di negeri ini sudah berpecah belah. Dalam konteks negeri Pulau Pinang perpecahan Melayu membuktikan orang-orang Melayu bermasalah kerana kita tidak pernah berpecah sejak tahun 1982 hingga sekarang.

## Perpecahan

Kekalahan di kerusi UMNO pula juga menjadi petanda bahawa orang-orang Melayu sedang menuju ke satu arah yang satu hari nanti kita akan terima akibatnya.

**Soalan:** Bagaimana Datuk melihat pertandingan antara Datuk dengan Dr. Wan Azizah yang disifatkan sebagai 'pertandingan dua sahabat.

**Dr. Ibrahim:** Pertandingan di Permatang Pauh bukan pertandingan peribadi antara saya dengan Anwar. Sebagai rakan dari zaman kanak-kanak lagi, pertandingan ini bukan kerana peribadi tetapi pertandingan antara parti yang kami wakili. Saya mewakili UMNO yang memperjuangkan orang-orang Melayu sejak tahun 1946 lagi menentang calon parti yang mempunyai prinsip dan pandangan hidup yang berbeza dengan saya. Bagi saya parti yang dapat menjaga kepentingan orang-orang Melayu hanyalah UMNO.